Mengenai pesawat Bombardier yang tiba di Unit Udara Tentera Udara Diraja Malaysia Kuching daripada Miri pagi tadi, Khirudin berkata, ia akan memulakan operasi pemadaman sebaik persediaan logistik dan taklimat selesai diadakan.

Bagi operasi melalui darat, katanya mesyuarat Jabatan Pengurusan Bencana Negeri yang dipengerusi Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas pagi tadi telah meluluskan penggunaan tujuh jengkaut untuk membuat laluan masuk ke kawasan kebakaran, menggali lubang takungan untuk sumber air, seterusnya menakung air untuk tujuan pemadaman api secara besar-besaran.

"Pasukan Gerakan Am juga telah diminta untuk membantu dari segi logistik, pengangkutan dan mengangkat peralatan," katanya.

"Kita harap dengan bantuan ini dan juga pergerakan pasukan kita selain dari Kuching, dari Bitangor dan Sarikei akan bantulah operasi pemadaman, kita diberi tempoh secepat mungkin, pada kami tiga atau empat hari," katanya. – BERNAMA